

22/07/2001

Pekan Rabu pesat membangun

Ihsan Noorzali

PEKAN Rabu yang tersergam di tengah bandar Alor Star, Kedah menyimpan sejarah tersendiri bagi mencerminkan perjuangan bangsa Melayu di bidang perniagaan.

Ia adalah lambang kemegahan bangsa kerana satu-satunya kompleks perniagaan yang kini mempunyai 240 lot niaga diusahakan sepenuhnya peniaga Melayu merentasi empat generasi.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau nama mesranya Che Det juga sinonim dengan Pekan Rabu. Beliau tokoh utama mencorak semula Pekan Rabu daripada pusat perniagaan tradisional Melayu yang serba kekurangan dan tidak ceria kepada sebuah kompleks moden dan menarik.

Hasil idea dan usaha Dr Mahathir mencari kesepakatan, Pekan Rabu di Jalan Tunku Ibrahim kini kelihatan lebih ceria, menarik dan setanding dengan kompleks beli-belah lain.

Wakil Berita Minggu berkesempatan menemui Pengerusi Koperasi Pekan Rabu Alor Star Berhad (KPRASB), Azmi Shahab yang mempunyai visi tersendiri memajukan Kompleks Pekan Rabu untuk terus mengharungi persaingan dunia perniagaan.

Azmi berkata, bangunan Pekan Rabu dirasmikan Dr Mahathir pada 25 Februari 1978 ketika beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Beliau dijadualkan datang semula ke tempat itu, Khamis ini untuk merasmikan mesyuarat agung Koperasi Pekan Rabu.

Bagi memberi kesempurnaan kepada semua peniaga, Bank Rakyat dan KPRASB memperuntukkan RM2.1 juta pada 1990 untuk membina bangunan fasa dua.

Pada 1995 sebanyak RM6.5 juta diperuntukkan melalui Kerajaan Negeri untuk pengubahsuaian bangunan sebagai persediaan mengharungi arus perniagaan moden.

"Alhamdulillah, Pekan Rabu menjadi tumpuan pelancong kerana sistem perniagaan ala bazarnya memberi daya tarikan kepada pelancong. Hasilnya Pekan Rabu semakin ceria berbanding 10 tahun lalu," katanya.

Bagi memperkukuhkan ekonomi peniaga, KPRASB menubuhkan pula Pekan Rabu Holdings Sdn Bhd (PRHSB) pada 2000.

Dulu Pekan Rabu menjadi tumpuan penduduk memasarkan hasil kampung pelbagai jenis sayuran dan ulaman, serai, ikan pekasam serta kuih tradisional. Ia juga tempat peraih datang membeli barangan untuk menjualnya di pekan nat atau pekan minggu.

Kini, jika menjejak kaki ke bandar Alor Star, pengunjung pasti kecewa jika tidak meluangkan waktu menjengah kompleks dua tingkat yang sarat pelbagai jenis barangan yang dijual.

Antaranya, kain, baju Melayu, songkok, kuih tradisional, buah-buahan, ikan kering, kraftangan, kitab dan buku agama, ubatan tradisional, kelengkapan menunaikan haji, emas, kosmetik dan barangan dapur.

Azmi berkata dengan slogan 'Satu Untuk Semua, Semua Untuk Satu', pihaknya ingin melihat bangsa Melayu setanding dengan kaum lain yang sudah jauh di hadapan dalam perniagaan.

"Sekarang kita sudah sedar wajah Pekan Rabu tidak boleh seperti dulu lagi. Ia perlu diperhebatkan mengikut acuan moden yang lengkap dengan pelbagai aktiviti.

"Ia termasuk persembahan kebudayaan bagi mempelbagai kegiatan, sekali gus menarik minat pengunjung," katanya.

KPRASB memperuntukkan RM13 juta untuk membina Che Det Mall dan Che Det Walk di keliling Pekan Rabu yang dijangka siap sepenuhnya pada November

ini sebagai tempat istirahat dan aktiviti kebudayaan untuk pelancong serta pelanggan.

Bangunan Empire bersebelahan Pekan Rabu dijadikan Galeri Seni untuk mengumpul seniman kraftangan seluruh negara. "Kita akan melaksanakan Bulan Kebudayaan mengikut negeri di seluruh Malaysia," katanya.

Menurut Azmi, tangga jejantas berhadapan Bangunan Umno akan dipasang tangga bergerak untuk kemudahan pelanggan, manakala Bangunan Mara di sisi Pekan Rabu pula dijadikan 'budget hotel'.

"Sungai Raja antara titi Jalan Tunku Ibrahim dan Jalan Langgar bersebelahan Pekan Rabu akan ditutup untuk dijadikan ruang pameran perdagangan serta promosi barangan yang pastinya menjanjikan daya tarikan tersendiri," katanya.

Mengenai pandangan keseluruhan Pekan Rabu, Azmi berkata: "Pekan Rabu dulu dan sekarang sungguh jauh bezanya. Silalah datang dan bawalah pulang buah tangan dari Pekan Rabu untuk keluarga yang menanti di rumah."

Seorang peniaga songkok, Md Noh Othman, 67, ketika ditemui berkata beliau akan tetap setia berniaga di Pekan Rabu selagi kudratnya kuat dan bertenaga.

Beliau juga berkata wajah Pekan Rabu hari ini sudah jauh berubah dan kelihatan ceria, bersih dan cantik serta pasti menarik ramai pengunjung.

Bagi meninjau sejarah dan latar belakang Pekan Rabu, orang ramai boleh melayari laman webnya <http://pekanrabu.tripod.com/prmelayu.html>.

(END)